

Asean kecam Israel

A M M desak PBB selesai segera kekejaman di Lubnan



Laporan oleh Jamhariah Jaafar, Wan Hazmir, Magendran Rajagopal Norfatimah Ahmad dan Mohd Azis Ngah

KUALA LUMPUR: Menteri Luar negara-negara Asean sebulat suara mengutuk tindakan ganas Israel menceroob masuk Lubnan yang mengakibatkan kehilangan banyak nyawa tidak berdosa serta banyak kemusnahan.

Keputusan itu dicapai dalam Mesyuarat Menteri Negara-Negara Asean (AMM) ke-39 yang berlangsung di ibu negara semalam membabitkan Menteri Luar Malaysia, Brunei, Kemboja, Indonesia, Myanmar, Filipina dan Vietnam.

Melalui AMM, negara Asean me-

ngutuk sekeras-kerasnya sebarang tindakan ganas itu dan meminta Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk segera memanggil semua pihak terbabit mengambil tindakan perlu.

AMM meminta semua pihak termasuk Israel, Lubnan dan Palestin yang terbabit dalam kancah peperangan itu supaya segera ke meja rundingan untuk menyelesaikan pertikaian mengikut resolusi Majlis Keselamatan PBB 1664 dan 1680.

Serangan ganas ke atas Lubnan dan Palestin yang dikatakan berpunca daripada penahanan dua anggota tentera Israel mengakibatkan banyak nyawa orang awam serta kemudahan asas musnah.

Konflik di Lubnan dijangka mengatasi isu ujian peluru berpandu jarak jauh Korea Utara baru-baru ini sebagai 'isu panas' Forum Rantau Asean (ARF) yang membincangkan isu keselamatan, di sini minggu ini.

Walaupun sejak beberapa minggu lalu 'bunyi-bunyi' kedengaran dari Washington dan Tokyo membayangkan bahawa Korea Utara akan menjadi keutamaan tertinggi mesyuarat ARF, krisis Lubnan yang mempunyai kesan jauh lebih buruk seolah-olah menenggelami isu Korea Utara itu.

Malah, sebelum krisis Lubnan tercetus, Setiausaha Negara Amerika

Syarikat (AS), Condoleezza Rice mengumumkan bahawa beliau akan menghadiri ARF dan ingin mengadakan perbincangan dengan peserta forum, terutama China, Jepun dan Korea Selatan serta mengenakan tekanan kepada Korea Utara supaya menghentikan program nuklear.

ARF yang ditubuhkan oleh Asean dan keanggotaannya kini diperluaskan kepada beberapa negara lain termasuk AS, China, Jepun dan India, adalah penting bagi mewujudkan jaringan.

AS yang semakin tersisih daripada dunia Islam, secara senyap menggalakkan Malaysia memainkan peranan penting di dunia Islam.

Sebagai negara Islam moden dan berpendirian sederhana, Malaysia dilihat dapat membina jambatan penghubung antara pentadbiran AS dan dunia Islam.

Diplomat AS mengiktiraf peranan Malaysia dalam menumpulkan kritikan tajam beberapa negara dalam Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Justeru, lawatan Rice juga adalah satu cubaan untuk menggalakkan Malaysia meneruskan sikap sederhana dan membantu mewujudkan persekitaran yang lebih bersahabat bagi AS di dunia Islam.

Namun, senario dunia berubah se-

cara drastik sejak konflik Israel-Hizbullah tercetus di Lubnan.

Peserta ARF, terutama anggota teras Asean akan meletakkan Lubnan pada keutamaan tertinggi tetapi kehadiran enam pihak yang terbabit dalam rundingan program nuklear Korea Utara - Korea Utara, Korea Selatan, Russia, Jepun, China dan Amerika Syarikat - akan memastikan bahawa isu Korea Utara juga akan dibincang dengan panjang lebar.

China yang membiayai perbelanjaan harian rejim Korea Utara yang mufliis, akan digesa menggunakan pengaruhnya bagi menghentikan program nuklear itu. Bagaimanapun, ARF bukan untuk membincangkan isu Lubnan atau Korea Utara semata-mata.

Ketika berucap di Pusat Media Asing di Washington pada Jumaat lalu, Christopher Hill, Penolong Setiausaha Negara Bagi Hal Ehwal Asia Timur dan Pasifik, menegaskan pentingnya AS memperkukuhkan hubungan dengan Asean serta menyelesaikan beberapa perjanjian rangka kerja perdagangan dan pelaburan dengan negara Asean.

Program AS itu yang dipanggil 'Enterprise for Asean Initiative' (EAI) diwujudkan bagi menyokong kestabilan dari pembangunan di Asia Tenggara dengan menandatangani perjanjian perdagangan bebas (FTA).